

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**PERINTAH HARIAN
SELASA, 4 MAC 2025**

PH04/01/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- i. **[PL77] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN II** menyatakan keberkesanan program pemulihan dan pencegahan dadah, termasuk pendidikan pencegahan, terutamanya bagi kes yang berulang yang mungkin disebabkan isu sosial seperti tidak mendapat pekerjaan, kurangnya sokongan setelah pemulihan dan tidak diterima oleh keluarga yang menyebabkan mereka bergiat semula dalam pengambilan dadah. Perkara ini mungkin memerlukan dana bagi membantu mereka agar dapat berhenti terus dalam aktiviti yang berkaitan dengan dadah.
- ii. **[PL119] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jabatan Perdana Menteri mempunyai perancangan atau inisiatif untuk menubuhkan BAHAGIAN / DIVISYEN INTEGRITI di setiap Kementerian dan Jabatan untuk memantau isu-isu rasuah kecil terutamanya jabatan-jabatan yang mudah terdedah dengan perkara ini.
- iii. **[PL20] Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI II** menyatakan perkembangan perundingan dalam penetapan sempadan negara dengan negara jiran. Adakah ada perancangan untuk memberigakan sempadan-sempadan darat dan laut negara kepada orang ramai bagi mengelakkan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan

memudahkan laporan dibuat ke pihak bertanggungjawab sekiranya berlaku pencerobohan sempadan.

- iv. **[PL146] Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu penggodaman telefon pintar ataupun 'scammer' untuk melindungi awam daripada ancaman siber yang berleluasa.
- v. **[PL35] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan rancangan kerajaan untuk mengambil langkah serupa seperti beberapa negara ASEAN yang telah menilai keperluan sekatan media sosial untuk melindungi kanak-kanak dari jenayah dalam talian dan kandungan yang tidak wajar. Ingin mengetahui apakah langkah-langkah kerajaan dalam mengawal dan mengimbangi penggunaan media sosial bagi kanak-kanak dengan keperluan teknologi semasa dengan mengambil kira jua Kementerian Kesihatan telah mengesyorkan had masa penggunaan skrin.
- vi. **[PL90] Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan jika pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membina prasarana sukan yang bertaraf antarabangsa di setiap daerah sebagai persediaan negara menganjurkan sukan-sukan di peringkat antarabangsa mahupun serantau. Ini memandangkan suatu hari nanti, negara tidak mustahil akan menjadi tuan rumah atau menganjur sukan-sukan di peringkat antarabangsa.
- vii. **[PL99] Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menganjurkan acara sukan pelancongan tahunan, seperti maraton atau perlumbaan basikal, di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien bagi memanfaatkan statusnya sebagai jambatan terpanjang di Asia Tenggara serta mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi utama sukan pelancongan antarabangsa, khususnya semasa Festival Disember.
- viii. **[PL3] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Skim Pendidikan Integrasi berkesan dalam menyediakan akses pendidikan setara bagi pelajar berkeperluan khas dengan jumlah yang semakin meningkat.

Adakah kerajaan bercadang melibatkan sektor swasta bagi mengurangkan kos, memperkenalkan model sekolah inklusif khas atau meningkatkan insentif kepada sekolah awam bagi menampung keperluan ini.

- ix. **[PL17] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian Pendidikan untuk mengemaskini kurikulum bagi mengadaptasikannya dengan perkembangan semasa bagi teknologi, inovasi dan lain-lain, di semua peringkat pembelajaran. Ini mengambil kira beberapa negara jiran telah memperkenalkan mata pelajaran Coding dalam kurikulum sekolah rendah untuk memastikan penuntut-penuntutnya '*industry-ready*,' memandangkan *skill* ini *in-demand* dan *marketable* di mana beberapa sekolah swasta tempatan juga telah melaksanakannya.
- x. **[PL28] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian untuk meningkatkan prestasi peperiksaan melalui pendekatan baru yang mengambil kira pandangan pihak luar yang berkepentingan dalam negara. Perkara ini mengambil kira prestasi 10 tahun kebelakangan amat mengecewakan yang menunjukkan pelan-pelan tindakan sedia ada tidak berkesan walhal sijil 'O' Level adalah syarat penting untuk melanjutkan pelajaran dan mendapatkan pekerjaan.
- xi. **[PL29] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menangani isu bebanan kerja guru yang menjejaskan kualiti pengajaran dan *work-life balance*, demi kemaslahatan guru dan kualiti pendidikan. Perkara ini berdasarkan kaji selidik Ahli MMN mendapati 67% guru mempunyai lebih satu tugas pentadbiran, sementara 46.3% merasakan ia menjejaskan pengajaran.
- xii. **[PL6] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah segera Kementerian dalam menaiktaraf fasiliti, menambah kaunter, serta mempercepatkan pemeriksaan menggunakan teknologi moden bagi memastikan kelancaran di pos kawalan sempadan yang masih mengalami kesesakan teruk dan infrastruktur lama yang tidak lagi menampung jumlah pengguna, bagi memastikan kelancaran tanpa menjejaskan keselamatan.

-
- xiii. **[PL38] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan (a) sasaran tahunan penggantian tenaga kerja apabila permit kerja mansuh dan meminta agar pelan tindakan penggantian dan latihan kemahiran untuk disediakan dan diberigakan; dan (b) status levi permit kerja yang dirancang untuk membiayai program kemahiran. Perkara ini adalah berdasarkan kepada data Jabatan Buruh yang menunjukkan peningkatan pekerja asing dari 65,000 (2023) ke 75,000 (2024), terutamanya dalam sektor yang boleh diambil alih oleh penduduk tempatan.
- xiv. **[PL65] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan dasar kerajaan untuk mengukuhkan institusi keluarga di negara ini dan jika terdapat perancangan bagi pembinaan dewan serbaguna yang dapat dijadikan sebagai tempat perkumpulan yang boleh dipakai untuk meraikan acara-acara adat istiadat, kemasyarakatan dan riadah yang dapat mengukuhkan perpaduan dan kemesraan orang-orang kampung.
- xv. **[PL33] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mempercepat pembangunan infrastruktur yang kondusif di kawasan-kawasan strategik yang dikenal pasti bagi tujuan perniagaan untuk belia dan warga emas yang juga menjadi tumpuan pelancong seperti Jerudong, Gadong dan Kupang, yang mana pada masa ini infrastruktur daif di kawasan-kawasan ini menghalang peniaga dari berkembang maju dan menjejaskan imej negara.
- xvi. **[PL53] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kementerian untuk dapat memudahkan proses permohonan bantuan untuk memastikan data lebih tepat dan bantuan dapat disalurkan dengan lebih efisien kepada mereka yang memerlukan memandangkan satu sebab kelambatan memproses permohonan bantuan adalah pengumpulan dan pengesahan data pemohon dan ianya dapat dikurangkan dengan penglibatan serta peranan Penghulu dan Ketua kampung yang sepatutnya mempunyai maklumat peribadi anak-anak buah di bawah kawalan mereka.

- xvii. **[PL86] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan (a) status penyediaan pengangkutan awam, khususnya bas dan keperluan bagi pengangkutan awam yang selamat, efisien, berjadual dan selesa untuk kegunaan orang ramai; dan (b) perancangan dan tindakan Kementerian bagi memastikan usaha untuk membisakan lagi perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini.
- xviii. **[PL126] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan jika pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan modal atau insentif kepada pengendali bas awam untuk memastikan perkhidmatan yang lebih efisien dan dipercayai yang bertujuan untuk mewujudkan situasi 'win-win' antara sektor Kerajaan dan swasta, untuk kelangsungan perkhidmatan yang lebih efisien, berkualiti dan dipercayai.

3. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERBAHASAN PERINGKAT DASAR

Perbahasan berkenaan “Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026”

DAN

“Usul Ketetapan Kumpulwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam”

4. PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS

- i. **[PT7] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN KEDUA** menyatakan inisiatif-inisiatif yang telah, sedang, dan akan dilaksanakan bagi mengukuhkan urustadbir (*governance*) secara menyeluruh. Perkara ini mengambilkira urustadbir dalam pengurusan dasar-dasar Kerajaan sebagai prasyarat dalam meningkatkan ekosistem ekonomi, dengan fokus kepada ketelusan, integriti, dan

akauntabiliti serta bertindak sebagai '*check-and-balance*,' mengelakkan '*conflict of interest*' dan memastikan keputusan lebih objektif, rasional, dan *impartial*.

- ii. **[PT2] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan kadar sebenar pengangguran dalam kalangan rakyat tempatan tanpa mengambil kira program sementara seperti skim perantis. Apakah langkah jangka panjang bagi memastikan pekerjaan yang stabil, berpendapatan mampan, serta sejajar dengan kemahiran tenaga kerja tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada penyelesaian sementara.
- iii. **[PT28] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan jumlah pekerjaan yang akan dapat diwujudkan dengan belanjawan 2025 dan dalam sektor sektor mana. Ini mengambilkira kebimbangan pada masa ini ialah untuk mendapatkan pekerjaan.
- iv. **[PT39] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan JPM selaku *leading* dan *coordinating* dalam mensejajarkan dan mengimplementasikan dasar-dasar Kerajaan seperti *ease of doing business*. Ini bertujuan bagi memastikan sealiran terutama sekali bagi memudahcara dan menyegerakan semua proses permohonan agar lebih mudah, efektif dan efisien dalam memastikan kelancaran dan kejayaan sesuatu dasar atau perancangan yang dikenalpasti dalam merealisasikan kaedah pendekatan *whole-of-government-approach*.
- v. **[PT8] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan strategi pengawalan dan pemantauan anasir-anasir serta kegiatan-kegiatan negatif yang menyasarkan generasi muda dan masyarakat pedalaman serta langkah memastikan strategi tersebut disebarluaskan untuk pengetahuan awam bagi menanganinya. Ini mengambil kira kebimbangan mengenai isu sosial dan kegiatan beragama yang bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah memberikan kesan negatif kepada umat Islam di negara ini termasuk kegiatan beragama yang dijalankan secara tertutup.

-
- vi. **[PT13] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memastikan pengurusan waqaf dipermudahkan dan dipercepatkan serta diberigakan untuk menarik lebih ramai rakyat Brunei berwaqaf dalam negeri. Pengurusan waqaf dirasakan perlahan dan perlu lebih mengutamakan peningkatan kecekapan pengurusan zakat, aset-aset waqaf, dan baitulmal. Masalah ini telah menyebabkan ramai rakyat memilih untuk berwaqaf di luar negara.
- vii. **[PT18] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan hasil penilaian dan perubahan telah dibuat setelah dibangkitkan dalam sesi MMN 2023 dan bagaimana PROPAZ dapat ditingkatkan untuk memastikan matlamat membantu asnaf dapat dicapai dengan lebih berkesan. Program PROPAZ bertujuan memperkasa asnaf zakat agar berdikari dan keluar dari kemiskinan. Keberkesanannya program perlu dinilai bagi penambahbaikan dengan mengambil kira amalan terbaik dari negara-negara lain.
- viii. **[PT23] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak Kementerian dalam memastikan reka bentuk “masjid sebagai tempat ibadah dan pusat perkumpulan keugamaan” diterapkan dalam projek pembinaan masjid di negara ini. Masjid menunjukkan keberadaan orang Islam di tempat tersebut. Selain mencerminkan nilai-nilai Islam, pembinaannya perlu menitikberatkan reka bentuk Melayu Islamik.
- ix. **[PT41] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan langkah-langkah strategik dalam menangani cabaran dalam era digital dan platform sosial media yang semakin berkembang maju dan canggih tanpa sempadan. Cara ini adalah yang lebih berkesan dalam bersama-sama menghindarkan terpengaruh atau merosakkan malahan juga dihasratkan memantapkan lagi pegangan aqidah Ahli-Sunnah Wal-Jamaah mengikut Mazhab Syafie' yang diamalkan di negara ini.
- x. **[PT9] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi bagi meningkatkan kesedaran awal bagi semua peringkat masyarakat

berkenaan demensia sebagai penyebab kematian ketujuh dunia, dengan 1,574 kes di Brunei pada 2019 dijangka meningkat 365% menjelang 2050. Adakah Kementerian merancang untuk saringan pengesanan awal demensia dan sistem sokongan jangka panjang yang berdaya tahan.